

MAHATHIR 金'金'金'

1979

KUCHING, MARCH 17 (BERNAMA)—KERAJAAN PUSAT SEDANG MERANCANG SATU DASAR BEKALAN TENAGA SUPAYA NEGARA MEMPUNYAI TENAGA YANG CUKUP UNTUK RANCANGAN-RANCANGAN KEMAJUANNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA UNTUK MENCAPAI MAKSUD TERSEBUT KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN MELAKUKAN APA JUA YANG DAPAT DALAM MEMBERI PERTOLONGAN KEPADA NEGERI-NEGERI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN STESYEN JANALETRIK PERBADANAN PEMBEKALAN LETRIK SARAWAK (SESCO) DI SUNGAI BIAWAK BERHARGA KIRA-KIRA \$43 JUTA HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, "DENGAN BERTAMBAHNYA KUASA DARI JANA LETRIK TERSEBUT ADA KEMUNGKINANNYA AKAN TURUN HARGA PEMBAYARAN BAGI PENGGUAAN KUASA LETRIK AKAN TURUN.

—PERSAMPUNG NM 1202

MAHATHIR 2 KUCHING 金'金'金'

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA DENGAN ADANYA POTENSI YANG BANYAK DALAM MENDAPATKAN KUASA ELEKTRIK DI SARAWAK, TENAGA ELEKTRIK YANG BERLEBIHAN ITU AKAN DAPAT DIBAWA MENYEBERANGI LAUT CHINA SELATAN UNTUK DIGUNAKAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN DISALURKAN KE SELURUH NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, SARAWAK ADALAH BERTUAH KERANA MEMPUNYAI BEKALAN KUASA JANALETRIK YANG BANYAK.

KATANYA, WALAUPUN SUNGAI SARAWAK MUNGKIN SEMPIT, SUNGAI-SUNGAI-NYA YANG LAIN SEPERTI BARAM, BATANG, REJANG DAN BATANG AI ADALAH BESAR DAN MEMPUNYAI ARUS YANG DERAS, BOLEH DIPERGUNAKAN BAGI MENGELUARKAN TENAGA ELEKTRIK YANG DIKEHENDAKI.

MAHATHIR 3 KUCHING 金'金'金'

BELIAU MEMBERITAHU BEBERAPA KAJIAN TELAH DIBUAT MENGENAI MASALAH INI OLEH PAKAR SNOWY MOUNTAINS ENGINEERING CORPORATION, AUSTRALIA.

DATUK MAHATHIR YAKIN TIDAK LAMA LAGI SEMUA BANDAR, KAMPUNG DAN RUMAH PANJANG DI SARAWAK AKAN MENDAPAT BEKALAN KUASA ELEKTRIK APABILA PROJEK-PROJEK JENAKUASA LETRIK DI NEGERI INI SIAP KELAK.

KATANYA LAGI, KAJIAN YANG DIBUAT DI PELAGUS DI SUNGAI REJANG JUGA MENUNJUKKAN POTENSI YANG BANYAK BAGI MENDAPATKAN KUASA ELEKTRIK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN PUSAT BERASA PUASHATI MEMBAWA LEBIH BANYAK LAGI PELABURAN KE SARAWAK.

KATANYA KERAJAAN PERSEKUTUAN TELAH MELABURKAN WANG YANG BANYAK BAGI PEMBANGUNAN DAERAH BINTULU, TERMASUK KEMAJUAN BESAR PROJEK CECAIR GAS ASLI, UNIVERSITI PERTANIAN, PELABUHAN TANJUNG KIDURONG DAN LAIN-LAIN LAGI.

TEGASNYA, +INI ADALAH MEMBUKTIKAN KEYAKINAN KERAJAAN PUSAT TERHADAP NEGERI SARAWAK. --- PERSAMPUNG 1410/SZ

MAHATHIR 4 KUCHING

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA SARAWAK ADALAH SEBUAH NEGERI YANG SANGAT-SANGAT MENDAPAT PERHATIAN DARIPADA KERAJAAN PUSAT DAN DENGAN TERTERASANNYA KERAJAAN DIBAWAH PIMPINAN BARISAN NASIONAL BELIAU MENEGASKAN BAHAWA NEGERI INI AKAN TERUS MENCAPI KEMAJUAN YANG DIHARAP-HARAPKAN.

TERDAHULU DARI ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MENYENTUH MENGENAI PENTINGNYA KEMAJUAN EKONOMI DALAM MENENTUKAN NASIB SESEBUAH NEGARA DAN JUGA TERCAPAINYA MANA-MANA TUGAS YANG AKAN MEMBERI KESEJAHTERAAN KEPADA RAKYAT.

+INI ADALAH PENTING SEKALI TERUTAMA BILA MANA BANYAK PELABUR ASING MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP NEGARA MALAYSIA.

+TUMPUAN MEREKA TIALAH KERANA KITA MEMPUNYAI SEBUAH KERAJAAN YANG STABIL DAN MEMPUNYAI PEKERJA-PEKERJA YANG TIDAK SEBEGITU MAHAL JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN, DAN JUGA TENAGA MANUSIA YANG MAHU BERKERJA KUAT DAN MAHU MENDAPAT SEGALA LATIHAN,+ TAMBAHNYA.

BELIAU MEMUJI BAHAWA KEADAAN TENTERAM DALAM HUBUNGAN DIANTARA MAJIKAN DAN BURUH DI NEGERI SARAWAK TELAH MELICINKAN LAGI SEMUA PROJEK DI NEGERI INI.

+KEADAAN PERHUBUNGAN YANG BAIK DI ANTARA MAJIKAN DAN BURUH DI SARAWAK ADALAH MENJADI CONTOH YANG HARUS DIKUTI,+ KATANYA.

— BERSAMBUNG 1318/SZ

MAHATHIR 5 KUCHING

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KEADAAN YANG BERLAKU BARU-LARU INI MENUNJUKKAN BAGAIMANA MUSTAHAKNYA HUBUNGAN YANG SEDEMI-KIAN ITU TERHADAP EKONOMI NEGARA.

KATANYA WALAUPUN GAJI ADALAH PENTING DALAM PERKEMBANGAN SESEBUAH PERSATUAN PEKERJA, TETAPI MESTILAH DIINGAT BAHAWA NAIKNYA TANGGA-GAJI ITU MESTILAH SEIMBANG DENGAN BERTAMBAHNYA PRODUKTIVITI DI ANTARA KALANGAN KAUM PEKERJA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI Tahniah KEPADA PERBADANAN PEMBEKALAN LETRIK SARAWAK YANG TELAH MENCAPI KEMAJUAN YANG PESAT SEJAK 16 TAHUN YANG SUDAH.

KATANYA PERBADANAN TERSEBUT TELAH DAPAT BERDIRI DI ATAS KAKINYA SENDIRI TERMASUK DALAM MASALAH KEWANGANNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MEMUJI PIMPINAN KETUA MENTERI SARAWAK DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL RAHMAN YAKUB YANG TELAH MEMBAWA NEGERI DAN RAKYATNYA MENCAPI KEMAJUAN, YANG BANYAK DALAM BERBAGAI LAPANGAN.

SEMENJAK TAHUN 1970, BANYAK PERKARA TELAH TERCAPI YANG TELAH MEMBABITKAN KEADAAN MALAYSIA SELURUHANNYA, KATANYA.

+TERCAPAINYA PERCANTUMAN BAGI SARAWAK AWAL-AWAL TAHUN 1970 TELAH MEMBERI PERANSANG UNTUK BANYAK PARTI POLITIK MENCAMPURI BARISAN NASIONAL.

+KEJAYAAN SERI AMAN PUNYA TELAH MEMBERI PERANSANG TERHADAP PERJUANGAN KITA MENENTANG PENGANAS KOMUNIS DI NEGERI INI.+

DAN DALAM PEMBANGUNAN, DATUK PATINGGI RAHMAN TELAH MEMBERI PENUH TENAGANYA BERJUANG UNTUK NEGERI SARAWAK BAIK DI PARLIMEN ATAUPUN DI MEJA-MEJA PERUNDINGAN, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENAMAKAN STESYEN JANALETRIK TERSEBUT SEBAGAI STESYEN JAJAKUASA LETRIK DATUK PATINGGI ABDUL RAHMAN YAKUB. — BERNAMA 1485/SZ